



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***KELESTARIAN KOMUNITI PENIAGA MELAYU BAZAR LARUT MALAM
DI LEMBAH KLANG, MALAYSIA***

NOORDEYANA TAMBI

FEM 2016 22



**KELESTARIAN KOMUNITI PENIAGA MELAYU BAZAR LARUT MALAM
DI LEMBAH KLANG, MALAYSIA**

Oleh

NOORDEYANA TAMBI

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk
Doktor Falsafah**

Mac 2016



HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini , termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia





Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**KELESTARIAN KOMUNITI PENIAGA MELAYU BAZAR LARUT MALAM
DI LEMBAH KLANG, MALAYSIA**

Oleh

NOORDEYANA TAMBI

Mac 2016

Pengerusi : Prof. Madya Asnarulkhadi Abu Samah, PhD
Fakulti : Ekologi Manusia

Kajian ini dilakukan untuk menentukan kelestarian komuniti peniaga bazar larut malam menerusi pemilikan modal sosial, modal insan, modal kewangan dan modal fizikal (sebagai modal komuniti peniaga). Secara khususnya, objektif kajian ini adalah untuk i) memahami latar belakang komuniti peniaga bazar larut malam dan latar belakang perniagaan mereka; ii) menentukan tahap modal komuniti peniaga (modal sosial, modal insan, modal kewangan dan modal fizikal); iii) menentukan tahap kelestarian komuniti peniaga (kelestarian sosial, kelestarian ekonomi dan kelestarian persekitaran); iv) menentukan hubungan modal komuniti peniaga dengan tahap kelestarian komuniti peniaga; dan v) menentukan faktor peramal yang menyumbang kepada kelestarian komuniti peniaga. Seramai 250 peniaga terlibat sebagai responden dari dua buah bazar larut malam yang beroperasi di Danau Kota (118 responden) dan juga di Cheras (132 responden). Responden ini dipilih berdasarkan ciri-ciri berikut iaitu 1) peniaga Melayu, dan 2) pemilik perniagaan. Data dikumpul menggunakan borang soal selidik yang ditadbir sendiri oleh responden dengan pemantauan minima oleh penyelidik. Tahap modal komuniti peniaga dan tahap kelestarian komuniti peniaga diukur menggunakan alat ukuran yang dibina sendiri oleh penyelidik; yang merangkumi: konstruk modal sosial (13 item), konstruk modal insan (8 item), konstruk modal kewangan (6 item), konstruk modal fizikal (6 item), konstruk kelestarian sosial (7 item), konstruk kelestarian ekonomi (6 item) dan konstruk kelestarian persekitaran (6 item). Kesemua instrumen yang digunakan dalam kajian ini menghasilkan nilai pekali kebolehppercayaan alfa Cronbach antara 0.895 hingga 0.975. Analisis statistik yang digunakan adalah analisis korelasi Pearson dan analisis regresi berganda.

Dapatan kajian menunjukkan tahap modal komuniti peniaga berada tahap sederhana dan secara puratanya responden memiliki tahap modal sosial yang baik dengan purata 2.28 (S.P. = 0.47), diikuti tahap modal insan dengan purata 2.25 (S.P. = 0.43), tahap modal fizikal dengan purata 2.16 (S.P. = 0.40) dan tahap modal kewangan 1.88 (S.P. = 0.46). Seterusnya, kajian membuktikan tahap kelestarian komuniti peniaga bazar larut malam adalah berada pada tahap sederhana dengan berdasarkan perbezaan purata yang tidak ketara bagi setiap jenis kelestarian, iaitu responden memiliki tahap kelestarian ekonomi yang baik dengan purata 2.29 (S.P. = 0.47), diikuti tahap kelestarian

persekitaran dengan purata 2.25 (S.P = 0.44), dan tahap kelestarian sosial dengan purata 2.24 (S.P. = 0.44).

Hasil kajian juga menunjukkan hubungan yang signifikan antara modal komuniti peniaga dengan tahap kelestarian komuniti peniaga. Terdapat tiga variabel bebas yang menyumbang kepada konstruk kelestarian komuniti peniaga iaitu modal fizikal ($\beta=0.380$, $p<0.05$), modal insan ($\beta=0.280$, $p<0.05$) dan juga modal sosial ($\beta=0.113$, $p<0.05$). Ujian regresi berganda menunjukkan 31% varians bagi konstruk kelestarian komuniti peniaga dijelaskan oleh tiga variabel tersebut [$F(4, 250) = 27.48$, $p<0.01$]. Kesimpulannya, dapatan ini menunjukkan modal fizikal merupakan prediktor utama kepada kelestarian komuniti peniaga bazar larut malam, di samping modal insan dan modal sosial. Hal ini demikian kerana ruang niaga yang tetap, kukuh dan stabil menjadi aspek penting yang diperlukan oleh komuniti peniaga ini. Natijahnya, kelestarian komuniti peniaga bazar larut malam ini boleh ditingkatkan dengan mewujudkan ruang niaga yang tetap, gerai yang kukuh dan lokasi yang stabil, yang memberi jaminan kepada peniaga sekaligus menggalakkan kunjungan pembeli ke bazar larut malam tersebut.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**SUSTAINABILITY OF SELECTED LATE NIGHT BAZAAR TRADER
COMMUNITY IN KLANG VALLEY, MALAYSIA**

By

NOORDEYANA TAMBI

March 2016

Chairman : Assoc. Prof. Asnarulkhadi Abu Samah. PhD
Faculty : Human Ecology

This study was conducted to determine the sustainability of the late night bazaar trader community through ownership of community capitals namely social capital, human capital, financial capital and physical capital. In particular, the objectives of this study were: i) to understand the background of the late night bazaar trader community and the background of their businesses; ii) to determine the level of the trader community capital in terms of social, human, financial and physical capital ; iii) to determine the level of sustainability of the trader community based on social, economic and environmental sustainability; iv) to determine the relationship between the trader community capital towards the level of sustainability; and v) to determine predictive factors that contribute to the sustainability of the trader community. A total of 250 traders were involved from two late-night bazaar operating in Danau Kota (118 respondents) and also in Cheras (132 respondents). The respondents were selected based on the following characteristics, namely 1) Malay ethnics, and 2) business owners. Data was collected using questionnaires administered by the respondents with minimal monitoring by researcher. The level of trader community capital and the level of sustainability were measured using a scale developed by the researcher; which include: social capital construct (13 items), human capital construct (8 items), financial capital construct (6 items), physical capital construct (6 items), social sustainability construct (7 items), economic sustainability construct (6 items) and environment sustainability construct (6 items). All instruments used had yielded a Cronbach's Alpha reliability coefficient value range between 0.895 to 0.975. The statistical analysis used were Pearson correlation and multiple regression.

Findings revealed that the trader community capital were at moderate level, and on average respondents have a good level of social capital with an average of 2.28 (SD = 0.47), followed by the level of human capital with an average of 2.25 (SD = 0.43), the level of physical capital with an average of 2.16 (SD = 0.40) and the level of financial capital was 1.88 (SD = 0.46). Furthermore, the study demonstrates the level of sustainability was at a moderate level by taking the average of the subtle differences of each type, the respondents have a good level of economic sustainability with an average of 2.29 (SD = 0.47), followed by the level of environmental sustainability with an average of 2.25 (SD = 0.44), and social sustainability was at the average level of 2.42 (SD = 0.44).

The results further indicated that there was a significant relationship between the trader community capital with the level of sustainability. There were three variables that contribute to the sustainability of the trader community, namely physical capital ($\beta = 0.380$, $p < 0.05$), human capital ($\beta = 0.280$, $p < 0.05$) and social capital ($\beta = 0.113$, $p < 0.05$). A multiple regression test showed that about 31% variance for the sustainability of the trader community constructs were explained by those three variables [$F(4, 250) = 27.48$, $p < 0.01$]. In conclusion, these findings showed that the physical capital was the major predictor of the late night bazar's trader sustainability, besides the human and social capital. This is because a fixed, solid and stable retail space is an important aspect required by the trader community. Ultimately, the sustainability of the business can be improved by establishing a permanent retail space with a solid booth and a stable location, assuring traders of business sustainability in terms of physical sustainability and at the same time encouraging shoppers to visit these late night bazaars.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T., Tuhan sekalian alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Syujur ke hadrat Ilahi dengan limpah rahmat dan kurniaNya, saya diberikan nikmat kesihatan, ruang dan peluang untuk melaksanakan penyelidikan di peringkat Doktor Falsafah ini. Setinggi-tinggi penghargaan terima kasih ditujukan kepada penyelia utama saya iaitu Profesor Madya Dr Asnarulkhadi, dan penyelia bersama iaitu Dr Hanina Halimatusaadia Hamsan dan Dr Ma'rof Redzuan, atas bimbingan, tunjuk ajar, teguran dan nasihat yang sangat berguna sepanjang proses penyelidikan ini dijalankan.

Sekalung penghargaan terima kasih ditujukan kepada wakil-wakil Persatuan Penjaja & Peniaga Melayu Wilayah Persekutuan Cawangan Setapak/ Genting Kelang, Encik Ahmad Selamat dan para peniaga di kesemua bazar larut malam terlibat iaitu bazar larut malam Danau Kota, bazar larut malam Cheras, dan bazar larut malam The Mines. Rakaman terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada pembantu penyelidik atas usaha dan kesungguhan dalam proses pengumpulan data.

Ucapan terima kasih juga dihulurkan kepada pihak penaja Universiti Kebangsaan Malaysia dan Biasiswa Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) kerana memberikan biasiswa, peluang dan kepercayaan kepada saya untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Doktor Falsafah ini. Di kesempatan ini juga, penyelidik ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua ibu bapa dan keluarga yang banyak bersabar memberikan nasihat serta tunjuk ajar sepanjang kehidupan penyelidik. Tidak lupa setinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat di dalam membantu penyelidik memperolehi maklumat sehingga penyelidik dapat menyiapkan tesis ini dengan jayanya. Terima kasih juga penyelidik tujukan kepada sahabat-sahabat perjuangan yang sentiasa berada bersama-sama penyelidik sewaktu susah dan senang di dalam menuntut ilmu. Semoga kalian sentiasa berada di bawah lindungan rahmat dan kasihNya.

Akhir sekali, penyelidik ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pensyarah-pensyarah dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau pun tidak. Sekalung budi yang dihulurkan hanya Allah yang dapat membalas semua itu. Semoga kita sentiasa beroleh kejayaan di dunia dan akhirat.

Sekian, Wassalam

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Asnarulkhadi Abu Samah, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Ma'rof Redzuan, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Hanina Halimatusaadiah, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Noordeyana Tambi (GS26970)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan:

Asnarulkhadi Abu Samah, PhD

Tandatangan: _____

Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Ma'rof Redzuan, PhD

Tandatangan: _____

Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Hanina Halimatusaadiyah, PhD

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK	Halaman
ABSTRACT	i
PENGHARGAAN	iii
KELULUSAN	v
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xvii
	xviii
 BAB	
1 Pengenalan	
1.1. Pendahuluan	1
1.2. Latar Belakang Kajian	1
1.3. Pernyataan Masalah	5
1.4. Persoalan kajian	7
1.5. Objektif kajian	7
1.6. Hipotesis Kajian	8
1.7. Kepentingan Kajian	9
1.8. Definisi Konseptual dan Definisi Operasional	10
1.8.1. Modal Sosial	10
1.8.2. Modal Insan	10
1.8.3. Modal Kewangan	11
1.8.4. Modal Fizikal	11
1.8.5. Kelestarian Sosial	11
1.8.6. Kelestarian Ekonomi	12
1.8.7. Kelestarian Persekitaran	12
1.9. Limitasi Kajian	12
1.10. Rumusan Bab 1	13
 2 Konsep, Kajian Lepas dan Kerangka Kajian	14
2.1. Pendahuluan	14
2.2. Peniaga Sebagai Satu Komuniti	14
2.3. Pembangunan Komuniti dan Perniagaan	15
2.4. Kelestarian Komuniti Peniaga dan Perniagaan	17
2.5. Modal Sosial, Modal Insan, Modal Kewangan dan Modal Fizikal sebagai Modal Komuniti Peniaga dalam Mencapai Kelestarian Komuniti Peniaga	19
2.5.1. Modal Sosial dan Kelestarian Komuniti Peniaga	19
2.5.2. Modal Insan dan Kelestarian Komuniti Peniaga	21
2.5.3. Modal Kewangan dan Kelestarian Komuniti Peniaga	22
2.5.4. Modal Fizikal dan Kelestarian Komuniti Peniaga	24

2.5.5.	Modal Komuniti Peniaga dan Kelestarian Komuniti Peniaga	24
2.6.	Kerangka Konseptual	25
2.6.1.	Model Kelestarian Perniagaan oleh Tilley dan Young (2006)	26
2.6.2.	Modal Komuniti oleh Hart (2000) dan Pendekatan Modal dalam Pembangunan Lestari oleh United Nations (2009)	32
2.7.	Kerangka Konsep Kajian	39
2.8.	Rumusan Bab 2	40
3	METODOLOGI KAJIAN	41
3.1.	Pendahuluan	41
3.2.	Reka Bentuk dan Pendekatan Kajian	41
3.3.	Lokasi Kajian	41
3.4.	Populasi dan Persampelan	42
3.5.	Pembinaan Instrumen Kajian	44
3.5.1.	Instrumen Modal Sosial	47
3.5.2.	Instrumen Modal Insan	53
3.5.3.	Instrumen Modal Kewangan	57
3.5.4.	Instrumen Modal Fizikal	61
3.5.5.	Kelestarian Sosial	65
3.5.6.	Kelestarian Ekonomi	68
3.5.7.	Kelestarian Persekitaran	71
3.6.	Kajian Rintis	74
3.7.	Prosedur Pengumpulan Data	75
3.8.	Kebolehpercayaan dan Kesahan Skala Kajian Sebenarnya	76
3.8.1.	Kebolehpercayaan	76
3.8.2.	Kesahan	77
3.9.	Pemprosesan dan Analisis Data	78
3.9.1.	Analisis Tinjauan Data	78
3.9.2.	Analisis Statistik Deskriptif	80
3.9.3.	Analisis Statistik Inferensi	80
3.9.3.1.	Analisis Faktor	80
3.9.3.2.	Analisis Korelasi Pearson	81
3.9.3.3.	Analisis Regresi Berganda	82
3.10.	Rumusan Bab 3	85
4	HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	86
4.1.	Pengenalan	86
4.2.	Dapatan Deskriptif – Latar belakang peniaga dan perniagaan	86
4.2.1.	Latar belakang Responden	87
4.2.2.	Latar belakang Perniagaan	87
4.2.2.1.	Pendapatan	88
4.2.2.2.	Dorongan Berniaga	88
4.2.2.3.	Kursus/ Program/ Seminar Pembangunan Perniagaan	89

4.2.2.4.	Pemilikan Perniagaan, Produk Jualan, Perolehan Produk Jualan Dan Promosi Jualan	90
4.2.2.5.	Pembiayaan Memulakan Perniagaan	91
4.2.2.6.	Khidmat Nasihat Dalam Perniagaan	92
4.3.	Tahap Modal Komuniti Peniaga – Modal Sosial, Modal Insan, Modal Kewangan, dan Modal Fizikal	93
4.3.1.	Tahap Modal Komuniti Peniaga	93
4.4.	Tahap Kelestarian Komuniti Peniaga - Kelestarian Sosial, Kelestarian Ekonomi dan Kelestarian Persekitaran	95
4.4.1.	Tahap Kelestarian Komuniti Peniaga	95
4.5.	Dapatan Analisis Korelasi Pearson - Hubungan antara Modal Komuniti Peniaga dan Kelestarian Komuniti Peniaga	96
4.5.1.	Hubungan antara modal sosial dengan kelestarian sosial, kelestarian ekonomi dan kelestarian persekitaran	96
4.5.2.	Hubungan antara modal insan dengan kelestarian sosial, kelestarian ekonomi dan kelestarian persekitaran	98
4.5.3.	Hubungan antara modal kewangan dengan kelestarian sosial, kelestarian ekonomi dan kelestarian persekitaran	98
4.5.4.	Hubungan antara modal fizikal dengan kelestarian sosial, kelestarian ekonomi dan kelestarian persekitaran	99
4.5.5.	Hubungan antara modal komuniti peniaga dan kelestarian komuniti peniaga	99
4.6.	Dapatan Analisis Regresi Berganda	100
4.6.1.	Prediktor Konstruk Kelestarian Komuniti Peniaga Bazar Larut Malam	100
4.7.	Rumusan Keputusan Pengujian Hipotesis	101
4.8.	Bahagian Kedua - Perbincangan	103
4.8.1.	Modal Sosial dalam kalangan Komuniti Peniaga Bazar Larut Malam	103
4.8.2.	Modal Insan dalam kalangan Komuniti Peniaga Bazar Larut Malam	105
4.8.3.	Modal Kewangan dalam kalangan Komuniti Peniaga Bazar Larut Malam	106
4.8.4.	Modal Fizikal dalam kalangan Komuniti Peniaga Bazar Larut Malam	106
4.8.5.	Kelestarian dalam kalangan Komuniti Peniaga Bazar Larut Malam	107
4.8.6.	Hubungan antara Modal-Modal dan Kelestarian Komuniti Peniaga	108

4.8.7.	Prediktor Kelestarian Komuniti Peniaga	112
4.9.	Rumusan Bab 4	114
5	RUMUSAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	115
5.1.	Pengenalan	115
5.2.	Rumusan	115
5.2.1.	Objektif 1	116
5.2.2.	Objektif 2	116
5.2.3.	Objektif 3	117
5.2.4.	Objektif 4	117
5.2.5.	Objektif 5	117
5.3.	Kesimpulan	118
5.4.	Implikasi Dapatan Kajian	118
5.4.1.	Implikasi Teoritikal	118
5.4.2.	Implikasi Aktiviti Perniagaan Bazar Larut Malam dan Kelestarian Komuniti Peniaga	120
5.5.	Cadangan Kajian Masa Hadapan	120
	RUJUKAN	124
	BIODATA PELAJAR	164
	SENARAI PENERBITAN	165

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
1 Justifikasi model-model berkaitan kelestarian perniagaan	29
2 Senarai modal komuniti oleh Hart (2000) dan United Nations (2009)	35
3 Lokasi kajian, bilangan populasi dan saiz sampel kajian	41
4 Jadual penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970)	43
5 Item dan Skala	44
6 Sumber rujukan bagi instrumen modal sosial	48
7 Ujian Pengukuran 'Kaiser-Meyer-Olkin' dan 'Bartlett's Test of Sphericity' bagi Modal Sosial	49
8 Jadual Matrik Korelasi bagi Item-Item Modal Sosial	49
9 Analisis Faktor bagi Item Modal Sosial Komuniti Peniaga Bazar Larut Malam	50
10 Taburan Skor Min bagi Item Modal Sosial (n=250)	51
11 Skor pemarkatan dan skala jawapan bagi instrumen kajian	52
12 Sumber rujukan bagi instrumen modal insan	53
13 Ujian Pengukuran 'Kaiser-Meyer-Olkin' dan 'Bartlett's Test of Sphericity' bagi Modal Insan	54
14 Jadual Matrik Korelasi bagi Item-Item Modal Insan	55
15 Analisis Faktor bagi Item Modal Insan Komuniti Peniaga Bazar Larut Malam	55
16 Taburan Skor Min bagi Item Modal Insan (n=250)	56
17 Sumber rujukan bagi modal kewangan	57
18 Ujian Pengukuran 'Kaiser-Meyer-Olkin' dan 'Bartlett's Test of Sphericity' bagi Modal Kewangan	58
19 Jadual Matrik Korelasi bagi Item-Item Modal Kewangan	59
20 Analisis Faktor bagi Modal Kewangan Komuniti Peniaga Bazar Larut Malam	59
21 Taburan Skor Min bagi Item Modal Kewangan (n=250)	60
22 Sumber rujukan bagi instrumen modal fizikal	61
23 Ujian Pengukuran 'Kaiser-Meyer-Olkin' dan 'Bartlett's Test of Sphericity' bagi Modal Fizikal	62
24 Jadual Matrik Korelasi bagi Item-Item Modal Fizikal	62
25 Analisis Faktor bagi Modal Fizikal Komuniti Peniaga Bazar Larut Malam	62
26 Pemarkatan Min Item Modal Fizikal (n=250)	63
27 Sumber rujukan bagi instrumen kelestarian komuniti peniaga	65
28 Sumber rujukan bagi instrumen kelestarian sosial	65

29	Ujian Pengukuran 'Kaiser-Meyer-Olkin' dan 'Bartlett's Test of Sphericity' bagi Kelestarian Sosial	66
30	Jadual Matrik Korelasi bagi Item-Item Kelestarian Sosial	66
31	Analisis Faktor bagi Kelestarian Sosial Komuniti Peniaga Bazar Larut Malam	67
32	Taburan Skor Min bagi Item Kelestarian Sosial (n=250)	67
33	Sumber rujukan bagi instrumen kelestarian ekonomi	68
34	Ujian Pengukuran 'Kaiser-Meyer-Olkin' dan 'Bartlett's Test of Sphericity' bagi Kelestarian Ekonomi	69
35	Jadual Matrik Korelasi bagi Item-Item Kelestarian Ekonomi	69
36	Analisis Faktor bagi Item Kelestarian Ekonomi (n=250)	70
37	Taburan Skor Min bagi Item Kelestarian Ekonomi (n=250)	70
38	Sumber rujukan bagi instrumen kelestarian persekitaran	71
39	Ujian Pengukuran 'Kaiser-Meyer-Olkin' dan 'Bartlett's Test of Sphericity' bagi Kelestarian Persekitaran	72
40	Jadual Matrik Korelasi bagi Item-Item Kelestarian Persekitaran	72
41	Analisis Faktor bagi Item Kelestarian Persekitaran	72
42	Taburan Skor Min bagi Item Kelestarian Persekitaran (n=250)	73
43	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian Rintis	74
44	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian Lapangan Sebenar	74
45	Keputusan Ujian <i>Shapiro-Wilk</i>	78
46	Keputusan Ujian <i>Kolmogorov-Smirnov</i>	79
47	Keputusan normaliti <i>Skewness</i> dan <i>Kurtosis</i>	80
48	Garis Panduan untuk Mentafsir Kekuatan Nilai Korelasi Pearson	81
49	Matriks korelasi bagi setiap variabel bebas	83
50	Statistik collinearity bagi setiap variabel bebas	84
51	Statistik bagi <i>residuals</i>	84
52	Analisis Statistik yang Digunakan untuk Mencapai Objektif Kajian	85
53	Profil responden (n=250)	87
54	Julat pendapatan kasar sebulan	88
55	Faktor dorongan berniaga (n=250)	89
56	Menghadiri kursus/ program/ seminar pembangunan perniagaan (n=250)	89
57	Pemilikan perniagaan (n=250)	90
58	Jenis-jenis produk jualan (n=250)	90
59	Perolehan produk jualan (n=250)	91
60	Promosi perniagaan (n=250)	91
61	Pembiayaan memulakan perniagaan (n= 250)	92
62	Khidmat nasihat perniagaan (n=250)	92

63	Kekerapan dan Tahap Modal Sosial, Modal Insan, Modal Kewangan dan Modal Fizikal Komuniti Peniaga Bazar Larut Malam (n=250)	94
64	Tahap kelestarian komuniti peniaga (n=250)	96
65	Hubungan antara modal sosial, modal insan, modal kewangan dan modal fizikal dengan kelestarian sosial, kelestarian ekonomi dan kelestarian persekitaran	97
66	Hubungan antara modal komuniti peniaga dan kelestarian komuniti peniaga	100
67	Rumusan Model Analisis Regresi Stepwise bagi Konstruk Kelestarian Komuniti Peniaga	101
68	Rumusan bagi Keputusan Hipotesis	101
69	Matriks korelasi variabel bebas	151

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1	" <i>The Sustainability Entrepreneurship Model</i> " oleh Tilley & Young (2006)	27
2	Kelestarian komuniti peniaga	28
3	Modal komuniti yang dikaitkan dengan kelestarian komuniti	34
4	Kerangka konseptual kajian	39
5	Hubungan antara modal komuniti peniaga dengan kelestarian komuniti peniaga	109
6	Model regresi bagi konstruk Kelestarian Komuniti Peniaga	112

SENARAI SINGKATAN

ANOVA	Analysis of Variance
Beta	Pekali regresi piawai
Bil	Bilangan
Hlmn	Halaman
F	Statistik taburan F
N / n	Bilangan subjek
r	Pekali korelasi
R ²	Pekali penentu regresi
Sig.	Signifikan
S.P.	Sisihan piawai
SPSS	Statistical Package for Social Science

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan

Perniagaan merupakan salah satu aktiviti yang telah dan masih digunakan oleh pelbagai pihak untuk membangunkan sesebuah komuniti menerusi penjanaan ekonomi (Greenfield & Strickon 2012 & 1981; Khan & Hyder, 2006; Richards, 2006). Idealnya, penggalakkan individu menceburi bidang perniagaan dilihat mampu menyumbang pembangunan komuniti setempat. Di Malaysia, peluang memulakan aktiviti perniagaan disediakan dalam bentuk bantuan-bantuan kewangan dan juga lesen menjalankan perniagaan kecil-kecilan, di samping ruang berniaga di lot-lot kedai, gerai-gerai, pasar-pasar minggu, pasar tani dan pasar malam. Kewujudan bazar atau pasar dalam pelbagai bentuk yang semakin giat berkembang membuktikan aktiviti perniagaan seumpama ini dapat menjanakan sumber ekonomi individu, keluarga, komuniti dan menyumbang pembangunan negara (Richards, 2006; Wenckers, Stel, Thurik, & Reynolds, 2005).

1.2. Latar Belakang Kajian

Di Malaysia, penglibatan bumiputera dalam perniagaan telah mengalami perubahan mengikut zaman. Perubahan ini dapat dilihat melalui pelbagai bentuk dan corak perniagaan yang diusahakan. Urusan jual beli tidak lagi dibataskan kepada perniagaan berpremisi sahaja. Kini, perniagaan mampu beroperasi tanpa premis, malah ada juga gerai boleh alih, seperti gerai-gerai jualan, pasar tani, mahupun pasar malam. Pasar malam merupakan kegiatan ekonomi setempat. Dalam satu kawasan dan masa tertentu terdapat peniaga-peniaga datang berniaga (Johar, 2007: hlmn.2). Kini, perniagaan pasar malam adalah satu fenomena baru turut dikenali sebagai 'bazar' larut malam (*uptown* atau *downtown*) adalah satu konsep perniagaan yang diadaptasi daripada konsep pasar malam. Di bandar, hasil pencarian awal mendapati seawal tahun 2006, bazar KL Downtown Night Market di Cheras telah memulakan operasi pada 21 April 2006 diikuti bazar larut malam Uptown Danau Kota pada 17 Februari 2007. Begitu juga, bazar Uptown Damansara (kini dikenali sebagai Uptown Kota Damansara setelah dipindahkan ke lokasi baru), Uptown Shah Alam dan Uptown Puchong juga antara terawal yang telah memulakan operasi dan dikenali ramai. Bazar-bazar ini beroperasi dari seawal jam 10 malam sehingga tengah malam, dan kini waktu operasinya dilanjutkan sehingga lewat pagi iaitu kira-kira jam 3 hingga 4 pagi. 'Bazaria Danau Kota' merupakan bazar larut malam yang pertama diberikan lesen secara rasmi di Malaysia dan diikuti bazar lain iaitu bazar KL Downtown Night Market, Cheras dan bazar Uptown Kota Damansara. Semenjak itu, pembukaan bazar larut malam terus berkembang di seluruh Lembah Klang malah hingga ke seluruh tanah air. Kegiatan bazar larut malam adalah selari dengan usaha kerajaan memberi peluang kepada komuniti peniaga kecil bumiputera di bandar terutama kaum Melayu bagi memperbaiki taraf kehidupan dengan berkecimpung dalam perniagaan (RMK, 1970, RML, 1986).

Hingga kini, bazar larut malam telah menjadi suatu genre baru perniagaan yang juga merupakan satu fenomena baru perniagaan di kawasan bandar.

Keterlibatan orang Melayu bandar dalam perniagaan adalah sejajar dengan galakan dan usaha kerajaan untuk wujudkan komuniti peniaga Melayu bandar. Usaha kerajaan Malaysia untuk membentuk peniaga kecil-kecilan bumiputera khususnya dari kalangan orang Melayu bermula sejak tahun 1953 oleh agensi *Rural Industrial Development Authority (RIDA)* atau juga dikenali sebagai Lembaga Kemajuan Kampung dan Perusahaan (LKKP); yang mana pada asalnya ditubuhkan dengan matlamat “*to attack this problem of rural poverty*” (Ness, 1967: hlmn.126). Untuk mencapai matlamat tersebut, RIDA menghulurkan bantuan kredit ... “*with RIDA contributing materials and technical assistance and the local people providing labor. ...*”, khususnya bagi masyarakat tempatan yang ingin memajukan diri mereka sendiri menerusi “*self-help schemes, community development schemes, and training*” (Ness, 1967: hlmn.127). Hal ini penting bagi memastikan kesediaan komuniti peniaga terbabit untuk membentuk sesebuah komuniti yang mampu berdaya saing. Sumber pendapatan negara pada ketika itu disumbangkan oleh sektor pertanian, serta para petani yang tidak mahir selok belok pengurusan apatah lagi memasarkan hasil tanaman mereka. Jika dikaitkan dengan komuniti peniaga bandar pada hari ini, tekanan ekonomi yang semakin mencabar turut mendesak warga kota berniaga bagi mengatasi masalah kemiskinan bandar dan perniagaan bazar larut malam adalah satu alternatifnya. Malah, pelbagai agensi telah diperluaskan peranannya dan penggubalan dasar-dasar kerajaan yang kini turut menggalakkan perniagaan kepada warga kota.

Sebagai agensi pelopor, RIDA berperanan membangunkan ekonomi dan sosial negara khususnya menerusi usaha pembangunan ekonomi orang Melayu, yang pada ketika itu memfokuskan kepada usaha melahirkan usahawan desa bagi mengubah struktur ekonomi luar bandar. Untuk maksud tersebut, RIDA memberi pinjaman kepada peniaga kecil-kecilan, memperbaiki sistem pemasaran dan menyalurkan bantuan teknikal; selain daripada menyediakan dan memperbaiki kemudahan fizikal di luar bandar bagi meningkatkan pembangunan ekonomi dan produktiviti. Matlamatnya adalah meningkatkan kesejahteraan ekonomi dan memajukan keadaan sosial komuniti tempatan dengan melahirkan generasi baru yang aktif bergiat dalam aktiviti perniagaan. Peranan RIDA kemudiannya diambil alih oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang ditubuhkan pada tahun 1966. Penubuhan MARA dan perbadanan awam lain seperti Bank Pembangunan, adalah berperanan membekalkan bantuan kredit kepada para peniaga kecil-kecilan khasnya di kawasan bandar.

Penubuhan agensi-agensi ini juga adalah untuk menyalurkan bantuan kepada peniaga kecil-kecilan bumiputera dalam pelbagai cara, termasuk menyelia pinjaman daripada Bank Dunia yang ditujukan khas kepada peniaga-peniaga kecil (Faaland, Parkinson, & Rais, 1991: hlmn.134-137). Bantuan ini merupakan salah satu langkah kerajaan untuk menggalakkan perniagaan dan pemilikan modal oleh kaum bumiputera yang dilaksanakan dalam era Dasar Ekonomi Baru (DEB). Ketika era ini tumpuan diberikan kepada usaha pembangunan peniaga, di samping terus menggalakkan semangat berniaga dalam kalangan orang Melayu. Hal ini terbukti apabila penyertaan orang

Melayu dalam bidang perniagaan kecil dan sederhana diakui kejayaannya, tetapi dengan tahap, kualiti dan daya majunya masih jauh dan tidak setanding dengan kedudukan kaum Cina khususnya (Chamhuri, Mohd. Yusof, & Abdul Malik, 1992: hlmn.32). Walaupun tempoh DEB telah berakhir pada tahun 1990, prinsip asas DEB iaitu pertumbuhan dan pengagihan ekonomi telah diteruskan melalui Dasar Pembangunan Negara (DPN), Dasar Wawasan Negara (DWN), dan Misi Nasional. Namun begitu, Ishak Shaari membahaskan bahawa jurang kemiskinan antara etnik semakin ketara akibat daripada perubahan dasar-dasar ekonomi negara kepada dasar liberalisasi, diregulasasi dan penswastan (LDP) negara (Yulpisman, 2000). Malah, perubahan tersebut secara tidak langsung mendorong kepada penindasan peniaga berskala kecil khususnya bumiputera.

Sehubungan itu, kerajaan telah merangka strategi pembangunan di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RM Ke-10) yang memberi keutamaan dan tumpuan ke arah membangunkan enterpris Bumiputera berdaya saing dan meningkatkan penyertaan Bumiputera di peringkat pengurusan tertinggi (Unit Perancangan Ekonomi (UPE), 2010: hlmn.19). Justeru, bagi memudahkan proses tersebut, bantuan secara langsung dan pembangunan kapasiti terus ditumpukan kepada enterpris mikro (iaitu peniaga kecil-kecilan) berasaskan keperluan. Walaupun begitu, dalam tempoh-tempoh tersebut, tumpuan pihak kerajaan dalam usaha menggalakkan peniaga kecil bumiputera hanya tertumpu kepada masyarakat (khususnya Melayu) di kawasan luar bandar. RMKe-10 merencanakan inisiatif untuk meningkatkan penyertaan dalam aktiviti ekonomi khususnya bagi isi rumah bandar melalui pelbagai program menerusi pelbagai agensi seperti Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN), yang bertanggungjawab untuk membantu peniaga memoden dan meningkatkan saiz perniagaan bagi memastikan daya tahan perniagaan (UPE, 2010: hlmn.158-159). Berdasarkan kenyataan dalam RMKe-10 ini, bantuan dan galakkan untuk menceburi bidang perniagaan berskala kecil mulai terarah kepada masyarakat bandar. Ini jelas menunjukkan perubahan fokus kerajaan yang serius dalam usaha memajukan komuniti peniaga di bandar khususnya demi merealisasikan matlamat membentuk negara berpendapatan tinggi, sekaligus meningkatkan kualiti hidup bumiputera bandar, khususnya golongan peniaga kecil turut sama meningkat.

Selain itu juga, menerusi RM Ke-10 juga, galakkan inovasi melalui enterpris kecil (syarikat yang mempunyai tenaga kerja tidak melebihi lima orang) adalah berasaskan pengetahuan (*K-SME*) dan fleksibiliti kawalan selia oleh pihak kerajaan (UPE, 2010: hlmn.16). Ini menunjukkan, perniagaan berskala kecil ini memainkan peranan dalam mencapai matlamat untuk menuju ke arah negara berpendapatan tinggi di samping memperkukuhkan penyertaan Bumiputera dalam sektor ekonomi. Ini kerana, apabila keadaan ekonomi komuniti peniaga itu bertambah baik, ia menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara sekaligus meningkatkan tahap kesejahteraan hidup. Maka, jelas menunjukkan kepentingan dan peranan peniaga kecil-kecilan bumiputera ini kepada negara. Ia seiring dengan matlamat daripada strategi 12 Bidang Ekonomi Utama Nasional (NKEA) yang berhasrat melahirkan sebuah negara yang lebih berdaya saing, menikmati kemakmuran kewangan dan kesejahteraan sosial (Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA), 2010). Bermaksud, keterlibatan dalam aktiviti perniagaan kecil-kecilan mampu meningkatkan tahap ekonomi tempatan khususnya komuniti peniaga Melayu

bandar yang turut menyumbang kepada peningkatan pendapatan negara. Maka, galakkan untuk berniaga dan usaha melahirkan ramai peniaga kecil-kecilan ini boleh dikatakan sebagai usaha pembangunan ekonomi komuniti peniaga, yang merupakan strategi pembangunan serampang dua mata iaitu membangunkan kualiti hidup sesebuah komuniti peniaga menerusi aktiviti perniagaan, termasuk bazar larut malam.

Dewasa ini, perhatian yang diberikan oleh pihak kerajaan terhadap komuniti peniaga kecil-kecilan Melayu di bandar semakin jelas mempamerkan kepentingan komuniti peniaga ini dalam membantu kepada pembangunan ekonomi negara. Ini jelas dilihat menerusi perkembangan bazar larut malam yang semakin berkembang pesat ke seluruh negara. Bazar larut malam merupakan genre baru perniagaan yang beroperasi dari jam 10 malam sehingga 3 atau 4 pagi. Majoritinya dimonopoli oleh peniaga kecil Melayu. Unikunya, bazar larut malam ini adalah usahasama para peniaga mendapatkan lot-lot perniagaan untuk dijadikan tapak niaga. Kebenaran dan kerjasama pihak berkuasa tempatan diperlukan untuk mendapatkan kelulusan aktiviti perniagaan berbanding pasar malam atau pasar tani yang dikelolakan oleh pihak-pihak berkuasa tempatan sepenuhnya. Hal ini menjelaskan daya usaha para peniaga di bandar untuk menjalankan aktiviti perniagaan khususnya di bazar larut malam. Selain itu, perbezaan antara bazar larut malam dengan pasar-pasar malam atau pasar tani adalah fokus produk jualan di bazar larut malam adalah produk atau barangan kering yang menjadi keperluan harian seperti pakaian kanak-kanak dan dewasa, perkakas rumah dan sebagainya. Malah, lokasi tapak perniagaan bagi bazar larut malam, biasanya di lot-lot paring atau jalan raya yang tidak digunakan pada sebelah malam. Berbanding pasar-pasar tani atau malam yang mempunyai lokasi khas dalam perancangan pihak berkuasa tempatan.

Jika pada peringkat awal aktiviti bazar larut malam bermula di Kuala Lumpur, hari ini, negeri-negeri bersebelahan juga seluruh semenanjung sudah mula membuka tapak-tapak niaga bazar larut malam ini seperti di Melaka, Selangor, dan Perak. Kewujudan bazar larut malam yang dapat dikenalpasti seawal tahun 2006 adalah di Cheras, di Damansara dan di Shah Alam¹. Sambutan menggalakkan yang diterima daripada penduduk kota menjadikan kegiatan genre baru perniagaan bazar larut malam ini kian diterima dalam kehidupan warga kota, khususnya di Lembah Klang. Rentetan fenomena itu, perniagaan bazar larut malam terus berkembang pesat dan membawa kepada pembukaan bazar-bazar larut malam di Danau Kota, Dengkil, Salak Tinggi, Klang, Batu Muda, Batang Kali, Putrajaya dan seluruh Lembah Klang. Hal ini membuktikan kehadiran bazar larut malam ini memainkan peranan yang penting kepada para peniaga kecil Melayu bandar yang diketahui umum masih belum mampu menguasai bidang ekonomi negara. Penubuhan bazar-bazar seumpama ini membuka peluang dan ruang kepada golongan peniaga kecil di bandar untuk menambahbaik kehidupan mereka dengan menceburi perniagaan genre baru ini. Hakikatnya, sejauhmanakah mereka dapat bertahan sebagai golongan peniaga genre baru ini?

¹ Hasil lawatan penyelidikan ke tapak-tapak perniagaan bazar larut malam di sekitar Lembah Klang pada awal kaji selidik dijalankan (rujuk Lampiran D).

1.3. Pernyataan Masalah

Kajian tentang peniaga dan perniagaan pasar malam, pasar tani dan pasar-pasar seumpama ini telah lama dan terus dikaji selidik dari semasa ke semasa. Namun begitu, kajian tentang bazar larut malam masih kurang dilakukan memandangkan kelainan bazar larut malam ini berbanding pasar malam, iaitu bazar seumpama ini dikelolakan oleh organisasi persendirian dan disertai oleh golongan peniaga bandar yang beroperasi bermula jam 10 malam sehingga lewat pagi. Bazar larut malam memberi fenomena baru dalam lanskap perniagaan kecil-kecilan di bandar. Ia mempunyai sejarah jatuh-bangun tersendiri. Bazar larut malam di Damansara, misalnya, akibat bantahan penduduk sekitar pada tahun 2009, telah berpindah dari lokasi asal ke kawasan berhampiran. Kajian lepas tentang perniagaan pasar seumpama ini khususnya pasar malam mendapati cabaran terbesar perniagaan berskala kecil adalah modal kewangan, persekitaran, dan kepelbagaian (Chin & Harun, 2015; Ishak & Latif, 2011; Khursiah & Wai Yeng, 2011; Nor Khomar, Khursiah & Amri, 2011). Oleh demikian, berdasarkan kajian-kajian lepas ini menjadi landasan kepada kajian ini bagi melihat sejauhmanakah kelangsungan perniagaan genre baru ini dapat dikekalkan dan terus berkembang pesat sebagai sumber pendapatan komuniti peniaga tersebut?

Perniagaan secara umumnya dilihat sebagai satu usaha yang mampu meningkatkan pendapatan individu dan keluarga. Hakikatnya, usaha pembangunan ekonomi ini bukanlah suatu usaha yang mudah. Perniagaan membabitkan cabaran dalam memastikan modal perniagaan (masa, tenaga, fikiran, wang) yang dilaburkan, dapat digandakan atau paling tidak mampu bertahan selama mungkin. Logiknya, semakin lama sesebuah perniagaan itu bertahan, akan semakin rendah nisbah kos pengendalian, pentadbiran dan pengurusan aktivitinya. Maka, pulangan dapat ditingkatkan. Tambahan pula, banyak kajian terdahulu yang melaporkan tentang kegagalan dan kejayaan kelangsungan perniagaan berpunca daripada pelbagai aspek seperti modal (Nurulhuda & Ramlee, 2009; Humam, Ismail, Too Kya, Mohamed Dahlan, & Rahmat, 1992; Montgomery, Johnson, & Faisal, 2005), saiz perniagaan (Lussier & Pfeifer, 2001), kemahiran berniaga (Muhamad Asri & Zaimah, 2012; Zaidatol & Habibah, 2004), motivasi dan pengiktirafan (Muhamad Asri & Zaimah, 2012), tahap pendidikan (Muhamad Asri & Zaimah, 2012; Lussier & Pfeifer, 2001), inovasi dan ciri-ciri peniaga. Namun begitu, tiada lagi kajian yang menyenaraikan variabel-variabel yang boleh dipercayai untuk menjelaskan kegagalan atau kejayaan peniaga secara konsisten (Lussier, 2005; Lussier & Pfeifer, 2001).

Keinginan menjalankan kajian terhadap golongan peniaga kecil-kecilan ini seringkali dikaitkan dengan golongan peniaga seperti kekurangan modal perniagaan, kelemahan pengurusan, inventori dan perancangan perniagaan (Arasti, 2011; Lussier, 2005; Peacock, 2000). Kelemahan ini berlaku lazimnya dalam kalangan peniaga yang memulakan perniagaan tanpa ilmu yang mencukupi serta tiada panduan yang jelas tentang perniagaan berskala kecil. Maka, jurang penyelidikan ini mendorong penyelidik meneliti apakah perkara yang dapat menjana kelestarian komuniti peniaga

khususnya bazar larut malam sebagai satu genre perniagaan baru, juga mengenalpasti siapakah komuniti peniaga yang lestari? Apakah mereka memiliki modal-modal lain, selain daripada modal kewangan (atau yang sering dikaitkan dengan modal ekonomi semata-mata). Jika ada, apakah tahap pemilikan modal-modal tersebut?

Sebagaimana pentingnya memiliki pelbagai jenis modal dalam mengendalikan sesebuah perniagaan, adalah lebih utama memastikan ketahanan perniagaan itu sendiri untuk suatu jangka masa panjang, atau lebih dikenali sebagai kelestarian perniagaan. Untuk memastikan perniagaan yang lestari, komuniti peniagaannya perlu terlebih dahulu menjadi lestari. Ini kerana, hanya peniaga yang dapat bertahan akan menjamin kelestarian perniagaan. Sifat komuniti yang lestari adalah mereka yang berkongsi minat yang sama (*community of interest*) dalam menjalankan aktiviti ekonomi iaitu perniagaan bazar larut malam serta dapat bertahan untuk mendapatkan modal pusingan di samping mengekalkan perhubungan baik dengan semua pihak. Walaupun tiada definisi yang utama dalam menjelaskan pembangunan komuniti lestari, (Swisher, Rezola, & Sterns, 2009), ciri-ciri tersebut menjadikan peniaga mampu bertahan walaupun menghadapi pelbagai cabaran dalam meneruskan perniagaan. Hal ini kerana, kelestarian peniaga dan perniagaan tidak dapat dipisahkan. Justeru, elemen kelestarian peniaga menjadi kayu ukur kepada kelestarian perniagaan. Lantaran itu, perkaitan elemen kelestarian secara umum, akan melibatkan modal-modal komuniti yang bersesuaian seperti modal insan, modal sosial, modal kewangan dan modal fizikal. Malahan pengkaji terdahulu seringkali menghubungkan elemen kelestarian komuniti peniaga dengan modal sosial (Doong, Fung, & Wu, 2011; Kwon & Arenius, 2010; Levinsohn & Brundin, 2011; Batjargal, 2007), modal insan (Ivar, Berge, Bjorvatn, & Tungodden, 2011), modal kewangan (Leach & Melicher, 2012; Ivar et al., 2011), dan modal fizikal (Haines, 2009) yang dimilikinya; dalam usaha membentuk peniaga yang berjaya dan perniagaan yang kukuh (Rajani & Sarada, 2008) dan lestari. Lantaran itu, penyelidik berhasrat mengkaji modal sosial, modal insan, modal kewangan, dan modal fizikal terpilih yang mampu menjadi petunjuk melestarikan komuniti peniaga, khususnya peniaga Melayu bandar. Namun begitu, persoalannya, adakah modal-modal ini dimiliki oleh komuniti peniaga tersebut bagi tujuan mencapai kelestarian komuniti peniaga bazar larut malam?

Aktiviti perniagaan bazar adalah bahagian sektor tidak formal ekonomi yang diusahakan secara kecil-kecilan. Laporan Induk PKS (Perusahaan Kecil dan Sederhana), 2012-2020, menyatakan “PKS menyumbang sebanyak 32% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), 59% daripada guna tenaga dan 19% daripada eksport. Berdasarkan kepada statistik terkini (Banci Pertubuhan dan Enterpris 2005), PKS merangkumi 99.2% daripada jumlah pertubuhan perniagaan di Malaysia atau bersamaan dengan 548,267 perusahaan” (Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan, 2012: hlmn. 29). Sekaligus menggambarkan aktiviti perniagaan bazar memainkan peranan penting dalam penjanaan ekonomi negara. Ini kerana, kelangsungan sesebuah perniagaan menjadi indikator kepada petunjuk ekonomi yang berjaya (Nijkamp, 2010). Kejayaan peniaga memastikan kesinambungan perniagaan selama bergenerasi lamanya, menjadi petunjuk kepada kemampuan mereka menguasai ekonomi. Hal ini mendorong kajian dilakukan untuk mengkaji tahap kecenderungan kelestarian komuniti peniaga bazar larut malam sedia ada.

Sehubungan itu, kajian mengenai kelestarian peniaga dan perniagaan ini mendapat perhatian penyelidik seiring dengan matlamat pembangunan yang berhasrat mencapai kelestarian melalui tiga dimensi, iaitu kelestarian ekonomi, kelestarian sosial dan kelestarian persekitaran (Schaltegger & Wagner, 2011; Parrish, 2010; Gibbs, 2009). Kestarian perniagaan (*sustainability entrepreneurship*) sebagai 'kelestarian komuniti peniaga' dirujuk sebagai suatu komitmen yang berterusan dalam perniagaannya (Basu, Osland & Solt, 2008) dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi, di samping meningkatkan kualiti hidup peniaga, ahli keluarga peniaga, komuniti setempat, begitu juga generasi akan datang' (hlmn.71). Kajian-kajian terdahulu menggabungkan pembangunan lestari dengan bidang perniagaan (Izaidin & Koe, 2012; Schaltegger & Wagner, 2011), kelestarian perniagaan dengan aspek ekonomi (Williams & Nadin, 2011), kelestarian perniagaan dengan aspek sosial (Schaltegger & Wagner, 2011; Cohen & Winn, 2007; Cohen, Smith, & Mitchell, 2008; Crals & Vereeck, 2005), dan kelestarian perniagaan dengan aspek persekitaran (Rodgers, 2010; Wagner, 2009; Gibbs, 2009; Cohen & Winn, 2007; Figge, Hahn, Schaltegger, & Wagner, 2002; Linnanen, 2002; Pastakia, 1998). Sebaliknya, dalam kajian ini, penyelidik akan menggabungkan ketiga-tiga elemen utama kelestarian dalam bidang perniagaan dalam usaha membentuk kelestarian komuniti peniaga bazar larut malam. Oleh itu, persoalan seterusnya, apakah perhubungan antara kelestarian sosial, kelestarian ekonomi dan kelestarian persekitaran dalam mengukur tahap kelestarian komuniti peniaga bazar larut malam?

1.4 Persoalan kajian

Berdasarkan permasalahan kajian yang telah dinyatakan, maka kajian ini dijalankan untuk menjawab persoalan-persoalan berikut:

1. Siapakah komuniti peniaga yang lestari dan apakah perniagaan mereka?
2. Apakah tahap modal komuniti peniaga (modal sosial, modal insan, modal kewangan dan modal fizikal) dalam kalangan komuniti peniaga bazar larut malam?
3. Apakah tahap kelestarian komuniti peniaga (kelestarian sosial, kelestarian ekonomi dan kelestarian persekitaran)?
4. Apakah terdapat hubungan antara modal komuniti peniaga dengan tahap kelestarian komuniti peniaga?
5. Apakah faktor-faktor penyumbang unik yang dapat meramal tahap kelestarian komuniti peniaga?

1.5. Objektif kajian

Objektif Am

Secara am, kajian ini bertujuan mengkaji modal komuniti peniaga dan kelestarian komuniti peniaga bazar larut malam di Lembah Klang.

Objektif khusus

1. Memahami latar belakang responden (umur, jantina, status perkahwinan, dan tahap pendidikan) dan latar belakang perniagaan (pendapatan, faktor dorongan berniaga, menghadiri kursus/ program/ seminar pembangunan perniagaan, pemilikan perniagaan, produk jualan, perolehan produk jualan dan promosi jualan).
2. Mengenalpasti tahap modal komuniti peniaga (modal sosial, modal insan, modal kewangan dan modal fizikal) dalam kalangan peniaga.
3. Menentukan tahap kelestarian komuniti peniaga (kelestarian sosial, kelestarian ekonomi dan kelestarian persekitaran).
4. Menentukan hubungan antara modal komuniti peniaga dengan tahap kelestarian komuniti peniaga.
5. Menentukan faktor peramal terhadap kelestarian komuniti peniaga.

1.6. Hipotesis Kajian

Hipotesis adalah saranan sementara bagi menjelaskan fenomena yang dikaji atau saranan sementara bagi penyelesaian masalah (Hartwick & Barki, 1994). Hipotesis membolehkan penyelidik mengaitkan teori dengan cerapan dan memberi jangkaan penyelidik mengenai hubungan antara variabel-variabel. Penerimaan atau sebaliknya sesuatu hipotesis itu ditentukan oleh bukti-bukti cerapan yang diperolehi daripada penyelidikan yang dijalankan. Oleh itu, pembentukan hipotesis null dalam kajian ini adalah berlandaskan kepada kajian-kajian lalu yang telah dijalankan oleh penyelidik lalu yang tidak menunjukkan wujudnya perbezaan atau hubungan yang signifikan antara variabel yang dikaji (Biesecker, 2013).

Asas bagi pembentukan hipotesis null adalah berdasarkan kepada kerangka teoritikal yang memfokuskan hubungan antara modal sosial, modal insan, modal kewangan dan modal fizikal dengan kelestarian komuniti peniaga. Disebabkan kurangnya kajian yang membuktikan secara langsung hubungan yang signifikan antara kesemua variabel kajian tersebut, hipotesis dibina bagi melihat hubungan-hubungan tersebut ke atas komuniti peniaga bazar larut malam.

Berikut merupakan hipotesis-hipotesis yang telah dibangunkan mengikut objektif kajian.

Objektif 4

- H₀₁: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara modal sosial dengan kelestarian sosial.
- H₀₂: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara modal sosial dengan kelestarian ekonomi.
- H₀₃: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara modal sosial dengan kelestarian persekitaran.

- H₀₄: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara modal insan dengan kelestarian sosial.
- H₀₅: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara modal insan dengan kelestarian ekonomi.
- H₀₆: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara modal insan dengan kelestarian persekitaran.
- H₀₇: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara modal kewangan dengan kelestarian sosial.
- H₀₈: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara modal kewangan dengan kelestarian ekonomi.
- H₀₉: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara modal kewangan dengan kelestarian persekitaran.
- H₀₁₀: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara modal fizikal dengan kelestarian sosial.
- H₀₁₁: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara modal fizikal dengan kelestarian ekonomi.
- H₀₁₂: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara modal fizikal dengan kelestarian persekitaran.
- H₀₁₃: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara modal komuniti peniaga dengan kelestarian komuniti peniaga.

Objektif 5

- H₀₁₄: Tidak terdapat pengaruh yang signifikan antara modal sosial, modal insan, modal kewangan dan modal fizikal dengan kelestarian komuniti peniaga.

1.7. Kepentingan Kajian

Kajian ini bertujuan menyumbang kepada pengetahuan baru mengenai genre baru perniagaan iaitu perniagaan bazar larut malam. Aktiviti perniagaan bazar larut malam ini dilihat membantu meningkatkan taraf kehidupan komuniti bandar sebagai sumber tambahan pendapatan mahupun mengatasi kesempitan hidup. Kajian ini juga dapat menggambarkan perniagaan bazar larut malam ini adalah usaha pembangunan komuniti yang melibatkan sekelompok individu berkongsi minat berniaga dengan tujuan memajukan diri, keluarga dan secara tidak langsung membantu pembangunan kawasan sekitar.

Di samping itu, kajian ini juga mengolah konsep kelestarian dalam usaha mengukur tahap kelestarian komuniti peniaga bazar larut malam, melalui pemilikan modal sosial, modal insan, modal kewangan dan modal fizikal, sama ada mereka mampu bertahan untuk tempoh jangka masa panjang atau sebaliknya. Perniagaan yang bertahan menggambarkan usaha yang berterusan daripada peniaga, strategi yang berkesan dan teknik-teknik yang telah terbukti. Jika peniaga mampu berniaga untuk satu jangka masa panjang, mereka dapat mencapai satu tahap keteguhan sumber pendapatan ekonomi, kestabilan jaringan sosial dan memajukan persekitaran yang membawa kebaikan kepada responden kajian.

Akhir sekali, dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi maklum balas yang berguna kepada pihak kerajaan dan komuniti peniaga terbabit menerusi petunjuk-petunjuk yang berperanan menentu ukur tahap kelestarian peniaga dan perniagaan mereka. Indikator ini bertujuan mengukuhkan perniagaan mereka. Bukanlah bermakna indikator ini mampu memberikan jawapan kepada tujuan membentuk peniaga dan perniagaan yang lestari, tetapi setidaknya memberikan garis panduan yang boleh membimbing ke arah komuniti peniaga yang lestari.

1.8. Definisi Konseptual dan Definisi Operasional

Beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini memerlukan definisi yang terperinci. Definisi ini perlu kerana pengertian umum dengan pengertian dalam kajian ini mungkin berbeza. Istilah-istilah tersebut adalah seperti berikut:

1.8.1. Modal Sosial

Definisi konsep : Modal sosial adalah jaringan perhubungan (formal atau/dan tidak formal) dalam sesebuah komuniti melalui interaksi dengan berkongsi nilai-nilai dan norma-norma dalam lingkungan hidup, saling mempercayai, berkongsi komitmen dan kepunyaan dan saluran informasi yang efektif, yang digunakan oleh individu dan ahli kumpulan untuk membina tindakan yang memberi manfaat kepada individu, ahli kumpulan dan komuniti itu (Hart, 2000; Kay, 2005; United Nations, 2009). Bentuk hubungan modal sosial ini pula boleh dikategorikan sebagai hubungan sesama ahli keluarga dan teman rapat (*bonding*); hubungan dengan pihak luar iaitu rakan sekerja dan jiran (*bridging*); serta hubungan dengan kumpulan etnik lain, pihak kerajaan dan pihak bukan kerajaan (*linking*) (Green & Haines, 2012; Healy, 2002).

Definisi operasional : Modal sosial (peniaga) dalam kajian ini merujuk kepada hubungan peniaga dengan ahli keluarga dan teman rapat (*bonding*); dan hubungan peniaga dengan pihak luar (*bridging*) iaitu merujuk kepada perhubungan di antara peniaga dengan rakan niaga, peniaga lain; serta hubungan peniaga dengan pihak penganjur (*linking*). Maka, jaringan ini terbina dengan kepercayaan, saling bergantung antara satu sama lain, dan perasaan kepunyaan.

1.8.2. Modal Insan

Definisi konsep : Modal insan adalah pengetahuan, kemahiran, kecekapan, kebolehan dan keperibadian yang dimiliki seseorang individu. Pennings, Lee, & Witteloostuijn (1998) menjelaskan modal insan peniaga adalah pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki peniaga; dengan berasaskan ilmu dan kemahiran perniagaan untuk menghasilkan perkhidmatan dan juga produk perniagaan. Modal insan boleh diukur melalui pengalaman dan penglibatan dalam kursus, kelas bimbingan dan program-program perniagaan (Davidsson & Honig, 2003).

Definisi operasional : Modal insan (peniaga) dalam kajian ini adalah merujuk kepada kemahiran dan pengetahuan aktiviti perniagaan. Kemahiran diukur daripada kemahiran mengurus dan mengendalikan perniagaan, merancang strategi perniagaan mengikut situasi semasa, membuat keputusan mengenai perniagaan, dan merancang perniagaan sesama peniaga di sini. Manakala, pengetahuan pula merangkumi pengetahuan untuk mendapatkan pembekal yang boleh menawarkan harga bekalan yang rendah, pengetahuan perniagaan untuk menjalankan perniagaan, dan pengetahuan di mana boleh mendapatkan bekalan barangan untuk dijual.

1.8.3. Modal Kewangan

Definisi konsep : Modal kewangan merujuk kepada wang tunai dan aset kewangan perniagaan yang datang daripada pelbagai sumber termasuk simpanan peribadi, bank, program kerajaan, dan modal dana perniagaan (Dzisi & Seddoh, 2009; Green & Haines, 2012; Phillips & Pittman, 2009; United Nations, 2009).

Definisi operasional : Modal kewangan (peniaga) dalam kajian ini merujuk kepada kemampuan peniaga memperolehi sumber kewangan daripada pihak pemberi kredit (pinjaman) dan juga kemampuan menjana serta mengembangkan sumber pendapatan untuk kegunaan perniagaan. Bantuan kewangan ini boleh dilihat dari beberapa aspek seperti pinjaman bank, pinjaman agensi kerajaan (MARA, TEKUN dan lain-lain), pinjaman persendirian (orang perseorangan, rakan-rakan, saudara mara, dan ahli keluarga) atau simpanan peribadi.

1.8.4. Modal Fizikal

Definisi konsep : Modal fizikal merangkumi ruang kosong di atas jalan raya, bangunan, infrastruktur yang dicipta oleh manusia dan sumber alam semulajadi yang terdapat dalam sesebuah komuniti (Haines, 2009: hlmn.41). Hart (2000) menggunakan istilah modal binaan dan United Nations (2009) menggunakan istilah modal keluaran.

Definisi operasional : Modal fizikal (peniaga) dalam kajian ini adalah modal ciptaan manusia yang meliputi perolehan ruang niaga (tapak/lot niaga), perletakan lokasi perniagaan, penyewaan tapak jualan, keselamatan dan keselesaan serta persekitaran kawasan aktiviti perniagaan.

1.8.5. Kelestarian Sosial

Definisi Konsep : Kelestarian dari aspek sosial yang merujuk kepada pengekalan dan kestabilan keadaan kehidupan sosial komuniti peniaga yang positif serta proses dalam komuniti yang boleh mencapai keadaan tersebut (McKenzie, 2004).

Definisi Operasional : Kelestarian sosial bagi komuniti peniaga dalam kajian ini merujuk kepada peningkatan diri sendiri, hubungan sesama rakan niaga, hubungan sesama ahli keluarga dan hubungan peniaga dengan komuniti kejiranan, komuniti setempatnya dan masyarakat amnya secara tidak langsung.

1.8.6. Kelestarian Ekonomi

Definisi Konsep : Kelestarian ekonomi boleh dilihat melalui usaha pembangunan ekonomi iaitu menerusi aktiviti perniagaan yang merupakan pendekatan yang telah dan masih digunakan oleh pelbagai pihak dalam usaha menjana ekonomi individu, komuniti mahupun negara (Greenfield dan Strickon, 1981; Loukaitou-Sideris, 2000; Romer-Paakkanen, 2002; Khan dan Hyder 2006)

Definisi Operasional : Kelestarian ekonomi bagi komuniti peniaga dalam kajian ini merujuk kepada kemampuan menjana pendapatan, mengembang dan mengekalkan pendapatan, serta menstabilkan sumber pendapatan diri dan keluarga yang mampu membawa kemajuan kepada perniagaannya.

1.8.7. Kelestarian Persekitaran

Definisi Konsep : Kelestarian persekitaran merangkumi persekitaran perniagaan iaitu keseluruhan ekonomi, sosio-budaya dan faktor politik yang mempengaruhi kesediaan dan kemampuan melaksanakan aktiviti perniagaan (Gnyawali dan Fogel, 1994)

Definisi Operasional : Kelestarian persekitaran bagi komuniti peniaga bazar larut malam pula adalah usaha mengurangkan gangguan akibat daripada aktiviti perniagaan yang dijalankan. Kelestarian persekitaran juga merangkumi persekitaran perniagaan yang kondusif, selesa dan selamat.

1.9. Limitasi Kajian

Kajian ini bertujuan mengkaji kelestarian komuniti peniaga Melayu bandar yang berniaga di bazar larut malam memiliki modal sosial, modal insan, modal kewangan dan modal fizikal. Walau bagaimanapun, skop kajian ini terbatas kepada beberapa perkara iaitu:

Kajian ini dijalankan terhad ke atas komuniti peniaga, berbangsa Melayu dan mendiami kawasan bandar, sekitar Lembah Klang. Hal ini kerana kebanyakan peniaga Melayu bandar bermula secara kecil-kecilan tanpa membeli kedai sebagai ruang niaga,

dan hanya menyewa di lokasi-lokasi terbuka. Kecenderungan ini memperlihatkan peniaga Melayu memonopoli corak perniagaan seumpama pasar malam, pasar tani dan pasar lambak. Maka, golongan ini dilihat mampu memberikan pandangan terperinci mengenai perniagaan genre baru bazar larut malam ini.

Kajian ini juga terbatas kepada peniaga di Lembah Klang yang merupakan antara perintis terawal kepada aktiviti genre baru ini. Tambahan pula, kewujudan perniagaan ini bagi menyediakan ruang aktiviti tambahan kepada komuniti bandar dan membuka peluang kepada golongan peniaga mengembangkan perniagaan mereka dalam waktu yang luar daripada kebiasaan.

Skop dan tumpuan kajian pula, terbatas hanya kepada modal insan, modal sosial, modal kewangan dan modal fizikal yang dimiliki peniaga terbabit. Pemilihan modal sosial dan modal insan adalah asas kepada individu yang terlibat dalam aktiviti perniagaan itu iaitu seorang peniaga perlu memiliki keperibadian seorang peniaga dan membina jaringan perhubungan untuk mengukuhkan perniagaan mereka. Modal kewangan pula adalah asas kepada mengendalikan perniagaan dan modal fizikal merupakan lokasi atau ruang niaga bagi menjalankan sesebuah aktiviti perniagaan.

Terdapat pelbagai bentuk modal komuniti lain yang boleh dimiliki oleh peniaga bazar larut malam seperti modal budaya dan modal politik. Modal budaya sesuai dengan budaya perniagaan yang mempunyai nilai dan kepentingan tersendiri bagi individu yang terlibat dalam aktiviti perniagaan. Manakala, modal politik pula membuka peluang peniaga mengembangkan diri ke peringkat yang lebih jauh lagi iaitu peringkat antarabangsa melalui persefahaman yang dipersetujui antara pihak terlibat.

1.10. Rumusan Bab 1

Bab ini membincangkan latar belakang kajian, permasalahan kajian untuk mengkaji tahap kelestarian komuniti peniaga Melayu bazar larut malam terpilih di sekitar Lembah Klang, persoalan kajian, objektif kajian, hipotesis kajian dan kepentingan kajian. Selain itu, definisi konseptual dan definisi operasi turut dijelaskan serta limitasi kajian ini. Bab seterusnya membincangkan kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan kajian ini.

Rujukan

- _____. (1986). *Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990*. Kuala Lumpur.
- Aimers, J. (2011). The impact of New Zealand “Third Way” style government on women in community development. *Community Development Journal*, 46(3), 302–314.
- Amirah, M. K., Nur Amirah, A. W., & Khalilah, Z. (2015). Discovering the qualities of ferringhi night market as an urban cultural space. In *UMRAN2015: A vision of Establishing Green Built ENnironment* (pp. 1–16).
- Arasti, Z. (2011). An empirical study on the causes of business failure in Iranian context. *African Journal of Business Management*, 5(17), 7488–7498.
- Asnarulkhadi, A. S. (2003). *Pengenalan Pembangunan Komuniti*. Serdang.
- Asnarulkhadi, A. S. (2005). Pendayaupayaan Komuniti Melalui Penglibatan: Satu Penilaian Umum Terhadap Pembangunan Komuniti di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Policy and Society*, 2(75-91).
- Asnarulkhadi, A. S. (2006). Participation and Quality of Life : A Study on the People’s Empowerment in a Malay Village Community. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanity*, 14(1), 11–25.
- Asnarulkhadi, A. S. (2007). Adopting Management Concept And Tool For Productivity Enhancement In Community Development Work. *Malaysian Journal of Social Administration*, 4, 27–37.
- Asnarulkhadi, A. S., & Fariborz, A. (2009). Community Development Programmes in Malaysia. *Nature and Science*, 7(12), 86–89.
- Azlina Mohd Khir. (2014). *Atribusi kemiskinan, nilai pencapaian, lokus kawalan dan orientasi masa hadapan remaja Orang Asli di Negeri Pahang dan Perak*. Tesis PhD. Universiti Putra Malaysia. (Tidak diterbitkan).
- Azlizan, T., Hamzah, J., Yahaya, I., & Habibah, A. (2012). Penyertaan komuniti dalam bidang keusahawanan luar bandar. *GEOGRAFIA Online Malaysia Journal of Society and Space*, 8(9), 84–96.
- Baron, R. A., & Markman, G. D. (2003). Beyond Social Capital: The Role of Entrepreneurs ’ Social Competence in Their Financial Success. *Journal of Business Venturing*, 18, 41–60.
- Basu, A., Osland, A., & Solt, M. (2008). *A New Course on Sustainability Entrepreneurship*. San Jose State University.
- Bates, T. (1985). Entrepreneur Human Capital Endowments and Minority Business

- Viability. *The Journal of Human Resources*, 20(4), 540–554.
- Bates, T. (1990). Entrepreneur Human Capital Inputs and Small Business Longevity, 72(4), 551–559.
- Batjargal, B. (2007). Internet Entrepreneurship: Social Capital, Human Capital, and Performance of Internet ventures in China. *Research Policy*, 36, 605–618.
- Batten, T. R. (1957). *Communities and their Development. An introductory study with special reference to the Tropics*. London: Oxford University Press.
- Bauernschuster, S., Falck, O., & Heblich, S. (2010). Social capital access and entrepreneurship. *Journal of Economic Behavior & Organization*, 76(3), 821–833.
- Biesecker, L. G. (2013). *Hypothesis-generating research and predictive medicine. Genome Research*. Maryland, USA.
- Black, A., & Hughes, P. (2001). The Identification and Analysis of Indicators of Community Strength and Outcomes. *Department of Family and Community Services*. Commonwealth of Australia.
- Brokensha, D., & Hodge, P. (1969). *Community Development: An Interpretation*. San Francisco, California: Chandler Publishing Company.
- Carpiano, R. M., & Hystad, P. W. (2011). “Sense of community belonging” in health surveys: what social capital is it measuring? *Health & Place*, 17(2), 606–17.
- Cavaye, J. (2011). *Understanding Community Development. Cavaye Community Development*.
- Chamhuri, S., Mohd. Yusof, K., & Abdul Malik, I. (1992). *Ekonomi Bumiputera Selepas 1990* (sunt.). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chen, C.-N., Tzeng, L.-C., Ou, W.-M., & Chang, K.-T. (2007). The Relationship among Social Capital , Entrepreneurial Orientation , Organizational Resources and Entrepreneurial Performance for New Ventures. *Contemporary Management Research*, 3(3), 213–232.
- Chin, O., & Harun, M. Z. M. (2015). Night Market: A Platform for Creating New Entrepreneurs. *Humanities and Social Sciences*, 3(1), 32.
- Chittithaworn, C., Islam, M. A., Keawchana, T., & Muhd Yusuf, D. H. (2011). Factors Affecting Business Success of Small & Medium Enterprises (SMEs) in Thailand. *Asian Social Science*, 7(5), 180–190.
- Choi, D. Y., & Gray, E. R. (2008). Socially responsible entrepreneurs: What do they do to create and build their companies? *Business Horizons*, 51(4), 341–352.

- Chuan, C. L. (2006). Sample size estimation using Krejcie and Morgan and Cohen statistical power analysis: a comparison. *Journal Penyelidikan IPBL*, 7, 76–86.
- Cohen, B., Smith, B., & Mitchell, R. (2008). Toward a Sustainable Conceptualization of Dependent Variables in Entrepreneurship Research. *Business Strategy and the Environment*, 17(July 2006), 107–119.
- Cohen, B., & Winn, M. I. (2007). Market Imperfections, Opportunity and Sustainable Entrepreneurship. *Journal of Business Venturing*, 22, 29–49.
- Cohen, J. M., & Uphoff, N. T. (1977). *Rural Development Participation: Concepts and Measures for Project Design, Implementation and Evaluation*. Rural Development Committee, Center for International Studies, Cornell University, 1977.
- Coleman, J. S. (1988). Social Capital in the Creation of Human Capital. *The American Journal of Sociology*, 94, 95–120.
- Coleman, J. S. (1990). *Foundation of Social Theory*. Cambridge: Harvard University Press.
- Cooper, A. C., Gimeno-Gascon, F. J., & Woo, C. Y. (1994). Initial Human and Financial Capital as Predictors of New Venture Performance. *Journal of Business Venturing*, 9, 371–395.
- Cornwall, J. R., & Jeffrey, R. (1998). The entrepreneur as a building block for community. *Journal of Developmental Entrepreneurship*, 3(2), 141–148.
- Crals, E., & Vereeck, L. (2004). Sustainable Entrepreneurship in SMEs. In *Conference proceedings in 3rd Global Conference on Environmental Justice and Global Citizenship* (pp. 1–16). Copenhagen, Denmark.
- Crals, E., & Vereeck, L. (2005). The affordability of sustainable entrepreneurship certification for SMEs. *International Journal of Sustainable Development & World Ecology*, 12(2), 173–183.
- Creswell, J. W. (2009). *Research Design - Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. SAGE Publications.
- Davidsson, P., & Honig, B. (2003). The Role of Social and Human Capital Among Nascent Entrepreneurs. *Journal of Business Venturing*, 18, 301–331.
- Dawson, A. (2012). Journal of Family Business Strategy Human capital in family businesses: Focusing on the individual level. *Journal of Family Business Strategy*, 3(1), 3–11.
- Doh, S., & Zolnik, E. J. (2011). Social capital and entrepreneurship: An exploratory

- analysis. *African Journal of Business Management*, 5(12), 4961–4975.
- Doong, S.-C., Fung, H.-G., & Wu, J. (2011). Are Social, Financial, and Human Capital Value Enhancing? Evidence from Taiwanese Firms. *International Review of Economics & Finance*, 20(3), 395–405.
- Dyllick, T., & Hockerts, K. (2002). Beyond the Business Case for Corporate Sustainability. *Business Strategy and the Environment*, 11(2), 130–141.
- Dzisi, S., & Seddoh, J. E. (2009). Human and Financial Capital Factors In Entrepreneurial Success of Ghanaian Women: A Developing Country Perspective. *Journal of Business and Enterprise Development*, 102–119.
- Eklinder-frick, J., Eriksson, L., & Hallén, L. (2011). Bridging and bonding forms of social capital in a regional strategic network ☆. *Industrial Marketing Management*, 40(6), 994–1003.
- Emejulu, A. (2011). Re-Theorizing Feminist Community Development: Towards a Radical Democratic Citizenship. *Community Development Journal*, 46(3), 378–390.
- Faaland, J., Parkinson, J., & Rais, S. (1991). *Dasar Ekonomi Baru: Pertumbuhan Negara dan Pencapaian Ekonomi Orang Melayu*. Selangor: SPEKTRA (Radius Media Sdn Bhd).
- Fairlie, R. W. (2012). *Immigrant Entrepreneurs and Small Business Owners, and their Access to Financial Capital*. United States.
- Field, A. (2009). *Discovering statistics using SPSS* (3rd ed.). London: Sage Publications.
- Figge, F., Hahn, T., Schaltegger, S., & Wagner, M. (2002). The Sustainability Balanced Scorecard - Linking Sustainability Management to Business Strategy. *Business Strategy and the Environment*, 11, 269–284.
- Flora, B., Emery, M., Fey, S., & Bregendahl, C. (2004). *Community Capitals : A Tool for Evaluating Strategic Interventions and Projects*.
- Fourati, H., & Affes, H. (2011). Financial Constraints, Human and Social Capital, and Risk-Taking Attitude in the Foundation of New Firms 1. *Strategic Change*, 232, 219–232.
- Frank, F., & Smith, A. (1999). The Community Development Handbook: A Tool to Build Community Capacity. *Human Resource Development Canada*. Human Resources Development Canada, Minister of Public Works and Government Services Canada.

- Gahin, R., Veleva, V., & Hart, M. (2003). Do indicators help create sustainable communities? *Local Environment*, 8(6), 661–666.
- Gibbs, D. (2009). Sustainability Entrepreneurs, Ecopreneurs & the Development of a Sustainable Economy. *Greener Management International*, 63–79.
- Gnyawali, D. R., & Fogel, D. S. (1994). Environments for Entrepreneurship Development: Key Dimensions and Research Implications. *Entrepreneurship Theory and Practice*, (Summer), 43–62.
- Gray, E. R., & Balmer, J. M. T. (2004). *The Sustainable Entrepreneur*. England.
- Green, G. P., & Haines, A. (2002). *Asset Building and Community Development*. Thousand Oaks, California.: Sage Publications.
- Green, G. P., & Haines, A. (2012). *Asset Building and Community Development* (3rd ed.). USA: SAGE.
- Greenfield, S. M., & Strickon, A. (1981). A New Paradigm for the Study of Entrepreneurship and Social Change *. *Economic Development and Cultural Change*, 29(3), 467–499.
- Haase Svendsen, G. L., Kjeldsen, C., & Noe, E. (2010). How Do Private Entrepreneurs Transform Local Social Capital into Economic Capital? Four Case Studies from Rural Denmark. *The Journal of Socio-Economics*, 39(6), 631–644.
- Hadfield, P. (2015). The night-time city. Four modes of exclusion: Reflections on the Urban Studies special collection. *Urban Studies*, 52(3), 606–616.
- Haines, A. (2009). Asset-Based Community Development. In R. Phillips & R. H. Pittman (Eds.), *An Introduction to Community Development* (1st ed., pp. 38–48). London and New York: Routledge.
- Hair, J. J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2010). *Multivariate Data Analysis*. Pearson Prentice Hall (Edisi ke-7.). New Jersey: Pearson Prentice Hall.
- Hancock, T. (1999). People, Partnership and Human Progress: Building Community Capital. *Health Promotion International*, 16(3), 275–280.
- Hart, M. (1999). *Guide to Sustainable Community Indicators*. University of Virginia: Hart Environmental Data.
- Hart, M. (2000). Sustainable Measures. United States.
- Hartwick, J., & Barki, H. (1994). Research Report — Hypothesis Testing and Hypothesis Generating Research: An Example from the User Participation Literature. *Information System Research*, 5(4), 446–449.

- Healy, T. (2002). The Measurement of Social Capital at International Level. In *National Statistics & OECD* (Vol. 2). Ireland.
- Hiebert, D., Rath, J., & Vertovec, S. (2015). Urban markets and diversity: towards a research agenda. *Ethnic and Racial Studies*, 38(1), 5–21.
- Holden, R. B. (2010). Face Validity. In I. B. Weiner & W. E. Craighead (Eds.), *The Corsini Encyclopedia of Psychology* (pp. 637–638). New Jersey: Hoboken.
- Humam, H. M., Ismail, H. A. W., Too Kya, L., Mohamed Dahlan, I., & Rahmat, M. (1992). *Kegagalan Perniagaan di Malaysia*. Institut Teknologi MARA.
- Innes, J. E., & Booher, D. E. (2000). Indicators for Sustainable Communities: A Strategy Building on Complexity Theory and Distributed Intelligence. *Planning Theory & Practice*, 1(2), 173–186.
- Ivar, L., Berge, O., Bjorvatn, K., & Tungodden, B. (2011). *Human and Financial Capital for Microenterprise Development : Evidence from a Field and Lab Experiment*. United Kingdom.
- Ivar, L., Berge, O., Bjorvatn, K., & Tungodden, B. (2012). Human and financial capital for microenterprise development : Experimental evidence from Tanzania. New Hampshire: Dartmouth University, US.
- Izaidin, A. M., & Koe, W.-L. (2012). Sustainable Entrepreneurship (SE): A Revised Model Based on Triple Bottom Line (TBL). *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 2(6), 293–310.
- Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA). (2010). MEB, NKEA lonjak ekonomi negara. Kuala Lumpur.
- Jakimovski, J. (2011). The human capital as a factor in the sustainable development. *Škola Biznisa*, 3.
- Johannisson, B., & Nilsson, A. (1989). Community entrepreneurs: networking for local development. *Entrepreneurship & Regional Development*, 1(1), 3–19.
- Johar, S. (2007). *Siri Mula Bisnes: Pasar Malam*. Kuala Lumpur: PTS Publishing Sdn. Bhd.
- Katz, J. A., & Green, R. P. (2011). *Entrepreneurial Small Business*. Boston: McGraw-Hill Irwin.
- Kay, A. (2000). Art And Community Development : The Role The Arts Have In Regenerating. *Oxford University Press and Community Development Journal*, 35(4), 414–424.
- Kay, A. (2005). Social Capital, the Social Economy and Community Development.

- Community Development Journal*, 41(2), 160–173.
- Kenny, S. (2011). Towards unsettling community development. *Community Development Journal*, 46(January), 7–19.
- Khan, J. H., & Hyder, A. S. (2006). Towards A Matrix For Small Enterprise Development: From A Developing Economies' Institutional Perspective. *AIUB Journal of Business and Economics*, 5(2), 111–135.
- Khursiah Abd. Aziz, & Lye Wai Yeng. (2011). Dynamism of a Night Market Taman Sri Muda , Shah Alam. *Journal of Business Studies Quarterly*, 2(4), 27–39.
- Korsching, P. F., & Allen, J. C. (2004). Locality based entrepreneurship : A strategy for community economic vitality. *Community Development Journal*, 39(4), 385–400.
- Krejcie, R. V, & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607–610.
- Kumar, C. (2005). Revisiting “ community ” in community-based natural resource management. *Oxford University Press and Community Development Journal*, 40(3), 275–285.
- Kwon, S., & Arenius, P. (2010). Journal of Business Venturing Nations of Entrepreneurs : A Social Capital Perspective. *Journal of Business Venturing*, 25(3), 315–330.
- Leach, J. C., & Melicher, R. W. (2012). *Entrepreneurial Finance* (4th ed.). Canada: South-Western Cengage Learning.
- Lesser, E. L. (2000). *Knowledge and Social Capital: Foundation and Applications*. Woburn: Butterworth-Heinemann.
- Levinsohn, D. S., & Brundin, E. (2011). Beyond “shades of green” - Opportunities for a Renewed Conceptualisation of Entrepreneurial Sustainability in SMEs : a literature review . In *ICSB 2011* (pp. 1–28).
- Liao, J., & Welsch, H. (2003). Social Capital and Entrepreneurial Growth Aspiration: A Comparison of Technology- and Non-Technology-based Nascent Entrepreneurs. *The Journal of High Technology Management Research*, 14(1), 149–170.
- Liñán, F., Moriano, J. A., & Romero, I. (2009). VIE Project : Cultural Values and Socioeconomic Factors as Determinants of Entrepreneurial Intentions. In *ESU Conference 2009 on Entrepreneurship, University of Sannio* (pp. 1–19).
- Linnanen, L. (2002). An Insider's Experiences with Environmental Entrepreneurship. *Greener Management International*, 38, 71–80.

- Loukaitou-Sideris, A. (2000). Revisiting Inner-City Strips: A Framework for Community and Economic Development. *Economic Development Quarterly*, 14(2), 165–181.
- Lussier, R. N. (2005). A Success Versus Failure Prediction Model for the Real Estate Industry. *American Journal of Business*, 20(1), 47 – 53.
- Lussier, R. N., & Pfeifer, S. (2001). A Crossnational Prediction Model for Business Success, 39(3), 228–239.
- Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan. (2012). *Laporan Induk PKS 2012-2020*. Kuala Lumpur.
- Marshall, M. I., & Oliver, W. N. (2005). *The Effects of Human , Financial , and Social Capital on the Entrepreneurial Process for Entrepreneurs in Indiana*.
- Martin, S., & Mayer, H. (2008). Economic Development Quarterly Introduction to Focus Section. *Economic Development Quarterly*, 22, 272–276.
- McDonough, W., & Braungart, M. (2002). Design for the Triple Top Line : New Tools for Sustainable Commerce. *Corporate Environmental Strategy*, 9(3), 251–258.
- McKenzie, S. (2004). *Social Sustainability: Towards Some Definitions*. Hawke Research Institute. Magill, South Australia.
- Minar, D. W., & Greer, S. (1969). *The Concept of Community: Reading with Interpretations*. Chicago: Aldine Publishing Company.
- Mitchell, J., & Correa-velez, I. (2009). Community Development with Survivors of Torture and Trauma: An Evaluation Framework. *Community Development Journal*, 45(1), 90–110.
- Montgomery, M., Johnson, T., & Faisal, S. (2005). What Kind of Capital Do You Need to Start a Business : Financial or Human? *The Quarterly Journal of Economics and Finance*, 45, 103–122.
- Morales, R. P. (2010). Popular Education as a Methodology for International Cooperation : the Chilean Experience. *Community Development Journal*, 45(3), 307–316.
- Muhamad Asri, A. G., & Zaimah, D. (2012). Transformasi dan Prestasi Perniagaan Usahawan Melayu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Johor Bahru Transformation and Business Performance of Malay Entrepreneurs in Small and Medium Enterprises in Johor. In *Prosiding PERKEM VII, JILID I* (Vol. 1, pp. 696–708).
- Murtagh, B., & Goggin, N. (2014). Finance, social economics and community

- development. *Community Development Journal*, (2010), 1–16.
- Nafziger, E. W., & Terrell, D. E. K. (1996). Entrepreneurial Human Capital and the Long-Run Survival of Firms in India. *World Development*, 24(4), 689–696.
- Ness, G. D. (1967). *Bureaucracy and Rural Development in Malaysia: A study of Complex Organizations in Stimulating Economic Development in New States*. Berkeley and Los Angeles: University of California Press.
- Nezic, T., & Kerr, W. A. (1996). A Market and Community Development in West Africa. *Community Development Journal*, 31(1), 1–12.
- Nijkamp, P. (2010). Entrepreneurship in a Modern Network Economy. *Regional Studies*, 37(4), 395–405.
- Nor Khomar Ishak, Khursiah Abd. Aziz, & Amri Ahmad. (2011). Dynamism of a night market. *Journal of Case Research in Business and Economics*, 1–15.
- Nor Khomar Ishak, & Rohaizah Abdul Latif. (2011). Typology of night markets in Malaysia. *Journal of Case Research in Business and Economics*, 1–10.
- Norita, D., Armanurah, M., Habshah, B., Norashidah, H., & Yeng Keat, O. (2010). *Keusahawanan: Teori dan Praktis* (Kedua.). Kuala Lumpur: McGraw Hill Education.
- Nurulhuda, C. A., & Ramlee, M. (2009). Kajian Kes Usahawan Tani Industri Kecil Sederhana (IKS) Bumiputera di Negeri Terengganu (A Case Study of SMI Bumiputera Agropreneurs in Terengganu). *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(2), 143–165.
- OECD (Organisation for Economic Co-operation and Development). (2001). *The Role of Human and Social Capital*.
- Pallant, J. (2005). *SPSS Survival Manual* (12th ed.). Sydney: Allen & Unwin.
- Pallant, J. (2011). *SPSS survival manual* (4th ed.). Australia: Allen & Unwin.
- Parrish, B. D. (2010). Journal of Business Venturing Sustainability-Driven Entrepreneurship: Principles of Organization Design. *Journal of Business Venturing*, 25(5), 510–523.
- Pascual, O., Klink, A. van, & Grisales, J. A. R. (2011). *Create Impact!*
- Pastakia, A. (1998). Grassroots Ecopreneurs : Change Agents for a Sustainable Society. *Journal of Organizational Change Management*, 11(2), 157–173.
- Peacock, R. (2000). Failure And Assistance Of Small Firms, (1), 1–26.

- Pennings, J. M., Lee, K., & Witteloostuijn, A. Van. (1998). Human Capital, Social Capital and Firm Dissolution. *The Academy of Management Journal*, 41(4), 425–440.
- Peredo, A. M. M., & Chrisman, J. J. (2006). Toward a Theory of Community-Based Enterprise. *The Academy of Management Review*, 31(2), 309–328.
- Phillips, R., & Pittman, R. H. (2009). *An Introduction of Community Development*. Taylor & Francis e-Library, 2008.
- Pottie-Sherman, Y., & Hiebert, D. (2015). Authenticity with a bang: Exploring suburban culture and migration through the new phenomenon of the Richmond Night Market. *Urban Studies*, 52(3), 538–554.
- Putnam, R. D., Leonardi, R., & Nanetti, R. Y. (1994). *Making Democracy Work: Civic Traditions in Modern Italy* (Google eBook). Princeton University Press.
- Rahim M Sail, & Asnarulkhadi. (2010). Community Development through Community Capacity Building : A Social Science Perspective. *Journal of American Science*, 6(2), 68–76.
- Rajani, N., & Sarada, D. (2008). Women Entrepreneurship and Support Systems. *Stud Home Comm Sci*, 2(2), 107–112.
- Reinhart, F. (2000). Sustainability and the Firm. Institute for Operations Research and the Management Sciences. *Interfaces*, 30(3), 26–41.
- Richards, A. D. (2006). *Sustainable micro-entrepreneurship to ensure positive economic growth in the Western Cape*. Cape Peninsula University of Technology.
- Roberts, H. (1979). *Community Development: Learning & Action*. University of Toronto Press.
- Robson, S., & Spence, J. (2011). The erosion of feminist self and identity in community development theory and practice. *Community Development Journal*, 46(3), 288–301.
- Rodgers, C. (2010). Sustainable Entrepreneurship in SMEs: A Case Study Analysis. *Corporate Social Responsibility and Environmental Management*, 17, 125–132.
- Rogoff, E. G., Lee, M.-S., & Suh, D.-C. (2004). “Who Done It?” Attributions by Entrepreneurs and Experts of the Factors that Cause and Impede Small Business Success. *Journal of Small Business Management*, 42(4), 364–376.
- Rossen, D., Mazalah, A., M., Faizal, K., Norhaslinda, M. S., Aidah, A. K., & Nurayu, J., et al. (2009). Kesahan dan Kebolehppercayaan Soal Selidik Gaya E-

- pembelajaran (eLSE) versi 8.1 Menggunakan Model Pengukuran Rasch. *Jurnal Pengukuran Kualiti Dan Analisis.*, 5(2), 15–27.
- Ruzzier, M., Antoncic, B., Hisrich, R. D., & Konecnik, M. (2007). Human Capital and SME Internationalization : A Structural Equation Modeling Study. *Canadian Journal of Administrative Sciences*, 24, 15–29.
- Sabitha, M. (2006). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Sara Shakilla Mohd. Salim, & Asnarulkhadi Abu Samah. (2011). Tahap Penglibatan Komuniti Orang Asli Dalam Pembangunan Komuniti di Semenanjung Malaysia. *Journal of Human Development*, 4(1), 125–139.
- Schaltegger, S., & Wagner, M. (2011). Sustainable Entrepreneurship and Sustainability Innovation: Categories and Interactions. *Business Strategy and the Environment*, 20, 222–237.
- Schultz, T. W. (1961). American Economic Association Investment in Human Capital. *The American Economic Review*, 51(1), 1–17.
- Shonesy, L., & Gulbro, R. D. (1998). Small Business Success: A Review Of The Literature. Retrieved from [https://www.equitynet.com/media/pdf/Small Business Success - A Review of the Literature \(Linda Shonesy, et al, 1998\).pdf](https://www.equitynet.com/media/pdf/Small%20Business%20Success%20-%20A%20Review%20of%20the%20Literature%20(Linda%20Shonesy,%20et%20al,%201998).pdf)
- Spence, M., Ben Boubaker Gherib, J., & Ondoua Biwolé, V. (2010). Sustainable Entrepreneurship: Is Entrepreneurial will Enough? A North–South Comparison. *Journal of Business Ethics*, 99(3), 335–367.
- Spence, M., Gherib, J. B. B., & Biwole, V. O. (2011). Sustainable Entrepreneurship : Is Entrepreneurial will Enough ? A North – South Comparison. *Journal of Business Ethics*, 99, 335–367.
- Swisher, M. E., Rezola, S., & Sterns, J. (2009). Sustainable Community Development. University of Florida.
- Thornham, H., & Parry, K. (2014). Constructing communities: the community centre as contested site. *Community Development Journal*, 50(1), 24–39.
- Tilley, F., & Young, W. (2009). Sustainability Entrepreneurs: Could They Be the True Wealth Generators of the Future? *GMI* 55, 79–93.
- UNESCO (United Nations Educational Scientific and Cultural Organization). (1956). *The Definition of Community Development*. Paris.
- Unger, J. M., Rauch, A., Frese, M., & Rosenbusch, N. (2011). Human capital and entrepreneurial success : A meta-analytical review. *Journal of Business Venturing*, 26, 341–358.

- Unit Perancangan Ekonomi (UPE). (1970). *Rancangan Malaysia Kedua 1970-1975*. (Unit Perancangan Ekonomi, Ed.). Kuala Lumpur.
- Unit Perancangan Ekonomi (UPE), & Jabatan Perdana Menteri. (2010). *Rancangan Malaysia KeSepuluh 2011-2015*. Putrajaya.
- United Nations Economic Commission for EUROPE. (2009). Measuring Sustainable Development. *United Nations Economic Commission For Europe*. New York and Geneva.
- Uphoff, N. (2000). Understanding Social Capital : Learning from the Analysis and Experience of Participation. *Institutional Analysis*, 215–249.
- Wagner, M. (2009). Advances in the Study of Entrepreneurship, Innovation & Economic Growth. *Advances in the Study of Entrepreneurship, Innovation and Economic Growth*, 20, 127–152.
- Welsh, P. (2010). Community development : a gendered activism? The masculinities question. *Community Development Journal*, 45(3), 297–306.
- Wennekers, S., Stel, A. Van, Thurik, R., & Reynolds, P. (2005). Nascent Entrepreneurship and the Level of Economic Development. *Small Business Economics*, 24, 293–309.
- Westlund, H., & Bolton, R. (2012). Local Social Capital and Entrepreneurship. *Small Business Economics*, 21(2), 77–113.
- Westlund, H., & Gawell, M. (2012). Building Social Capital for Social Entrepreneurship. *Annals of Public and Cooperative Economics*, 83(1), 101–116.
- Wheeler, S. M. (2009). Sustainability in community development. In R. Phillips & R. H. Pittman (Eds.), *An Introduction to Community Development* (pp. 339–351). Routledge.
- Williams, C. C., & Nadin, S. (2011). Entrepreneurship in the Informal Economy: Commercial or Social Entrepreneurs? *International Entrepreneurship and Management Journal*, 8(3), 309–324.
- Woodcraft, S., Hackett, T., & Caistor-Arendar, L. (2011). Design for Social Sustainability: A Framework for Creating Thriving New Communities. London: Young Foundation.
- Woolcock, M., & Narayan, D. (2000). Social Capital: Implications for Development Theory, Research, and Policy. *The World Bank Research Observer*, 15(2), 225–249.

- World Commission on Environment and Development (WCED). (1987). *Report of the World Commission on Environment and Development : Our Common Future Acronyms and Note on Terminology Chairman 's Foreword*.
- Yan Piaw, C. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 2: Asas Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.
- Yin, R. K. (1994). *Case Study Research: Design and Methods* (3rd ed., Vol. 5). Thousand Oaks - London - New Delhi: SAGE Publications.
- Young, W., & Tilley, F. (2006). Can Businesses Move Beyond Efficiency? The Shift toward Effectiveness and Equity in the Corporate Sustainability Debate. *Business Strategy and the Environment*, 415(March), 402–415.
- Yulpisman, A. (2000). Jurang Kemiskinan Dijangka Lebih Ketara. *Utusan Malaysia*.
- Zaidatol, A. L. P., & Habibah, E. (2004). Keupayaan Usahawan Bumiputera Melaksanakan Kemahiran Keusahawanan : Satu Kajian Kes. *Pertanika Journal of Social Science & Humanity*, 12(1), 61–70.